

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman, Rafidah Md Ruzki, M Hifzuddin Ikhsan, Mohamed Farid Noh, Zanariah Mutalib, Suzalina Halid, Saadiah Ismail, Nor Azizah Mokhtar, Luqman Arif Abdul Karim, Faris Fuad, Ahmad Suhael Adnan, Balqis Jazimah Zahari, Zuhainy Zulkiffli, Asrol Awang, Rafidah Dahali, Dziyaul Afnan Abdul Rahman, Mohd Amin Jalil, Hazira Ahmad Zaidi dan Ruwaida Md Zain
bhnews@bh.com.my



Dr Ahmad Shukri Ismail



Dr Hayati Kadir Shahar



Dr Mohd Rodi Isa

Patuh SOP penentu kejayaan PKPB

Masyarakat diingat tidak salah guna kelonggaran, jaga disiplin diri

Kuala Lumpur: Hari ini, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula dengan kelonggaran untuk orang ramai bergerak ke tempat kerja atau untuk menjalankan aktiviti sosial yang dibenarkan.

Kebimbangan orang ramai dan pakar kesihatan mengenai PKPB ialah kemungkinan kelonggaran diberi disalah guna sehingga kes penularan wabak COVID-19 yang dapat dikawal setakat ini melonjak seperti yang berlaku di Jepun dan Singapura.

Menjawab kebimbangan itu, Menteri Kanan (Keselamatan),

Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kejayaan PKPB terletak sepenuhnya di tangan masyarakat.

Ismail Sabri berkata, pakar perubatan menjangkakan COVID-19 akan berada dalam masyarakat selama dua tahun dan kerajaan tidak boleh melaksanakan PKP selama tempoh itu kerana perlu membuka semula sektor ekonomi.

"Kelonggaran bukan lesen untuk masyarakat langgar prosedur operasi standard (SOP) PKP ditetapkan Kementerian Kesihatan (KKM).

"Rakyat perlu melakukan kawalan sendiri untuk mencegah penularan COVID-19, selepas kerajaan melaksanakan PKPB bermula esok (hari ini).

"Kita dibenarkan keluar, tapi kita tanya diri kita, adakah ia keperluan untuk kita keluar? Kalau kita rasa tidak perlu keluar,

maka jangan keluar.

"Ini fasa orang ramai mesti jaga keselamatan sendiri dan disiplin diri untuk pastikan kita dan keluarga kita selamat," katanya pada sidang media harian di Putrajaya, semalam.

Beliau mengambil contoh Taiwan, yang tidak melaksanakan PKP atau perintah berkurung tetapi mempunyai jumlah kes dan kematian akibat COVID-19 antara yang terendah di dunia disebabkan disiplin rakyatnya.

Noor Hisham pula berkata, persepsi masyarakat seolah-olah esok (hari ini) 'raya' kerana kononnya PKP di negara ini sudah berakhir, adalah tanggapan salah.

Beliau menegaskan PKP tidak pernah ditamatkan, sebaliknya pendekatan yang digunakan sekarang ialah memberi kelonggaran untuk sektor ekonomi kembali beroperasi.

"Sekarang ini ramai meneliti isu sama ada untuk kekal dengan PKP atau PKPB, tetapi yang pasti ialah kita tidak tamatkan PKP tetapi persepsi adalah kita tamatkan PKP.

"Esok (hari ini) kita 'raya' kerana kita tiada PKP. Tidak, itu persepsi yang salah. PKP masih ada, kita hanya bagi kelonggaran," katanya.

Pakar Kesihatan Awam (Epidemiologi dan Biostatistik) dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Hayati Kadir Shahar, berkata masyarakat perlu berubah dan menerima hakikat realiti normal baharu dalam menjalani kehidupan harian.

Katanya, penularan COVID-19 akan berlaku dengan cepat jika masyarakat menganggap PKPB sebagai tiket kelonggaran dalam meneruskan kehidupan seperti dahulu.

"Kelonggaran melalui PKPB bukan bermaksud negara sudah bebas daripada COVID-19 atau rakyat bebas bergerak ke mana sahaja.

"PKPB dilaksanakan dengan



Ismail Sabri pada sidang media harian Perintah Kawalan Pergerakan di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

bersyarat, jika tidak dipatuhi pasti akan menimbulkan masalah lebih rumit kepada kita terpujang kepada diri sendiri untuk terus bentengkan diri daripada penyakit ini.

"Kita tidak boleh menyerahkan segala tanggungjawab membantaras penyakit ini kepada petugas barisan hadapan dan kerajaan sahaja kerana ini permasalahan bersama," katanya.

Beliau berkata, kerajaan bertanggungjawab mengimbangi keperluan memulihkan ekonomi dan kepentingan melindungi nyawa masyarakat.

Pakar epidemiologi, Dr Mohd Rodi Isa, mengingatkan orang ramai supaya tidak 'meraikan' atau

'teruja' dengan keluar ke tempat awam beramai-ramai mulai hari ini.

Sebaliknya, mereka perlu terus mematuhi SOP ditetapkan dalam PKP, dengan duduk di rumah dan mengamalkan penjarakan sosial serta menjaga kebersihan diri.

Pensyarah Fakulti Perubatan Universiti Teknologi Mara (UiTM) itu berpendirian rakyat perlu patuh arahan PKP sehingga 12 Mei ini dan hanya keluar jika ada keperluan.

"Kita bertanggungjawab memutuskan rantaian COVID-19. Teruskan dengan mematuhi SOP ditetapkan, jaga jarak sosial, cuci tangan. Tidak perlu makan di restoran, cukup dengan beli dan bawa pulang makan di rumah.

"Kita perlu fikir nasib petugas barisan hadapan. Sampai bila mereka harus terbeban dengan tanggungjawab berat itu," katanya ketika dihubungi BH.

Dr Mohd Rodi juga mencadangkan kerajaan memperketatkan PKPB jika orang ramai gagal mematuhi SOP ditetapkan.

"Jika rakyat tidak patuh SOP, maka PKPB patut diperketatkan," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Doktor Perubatan Islam (PERDIM), Datuk Dr Ahmad Shukri Ismail, berkata kelonggaran yang diberikan dalam PKPB menuntut semua pihak berdisiplin diri.

"Majikan perlu tegas memeriksa suhu badan pekerja, memastikan pekerja memakai penutup (topeng) muka serta melakukan sanitasi, itu mandatori.

"Rakyat pula jangan terlalu ghairah untuk keluar rumah dan mengambil kesempatan mengunjungi pusat beli-belah, restoran serta tempat awam.

"Teruskan dengan duduk di rumah. Kita masih berdepan ancaman COVID-19. Ini tanggungjawab kita membantu kerajaan memutuskan rantaian wabak ini," katanya.

Rakyat perlu melakukan kawalan sendiri untuk mencegah penularan COVID-19, selepas kerajaan melaksanakan PKPB bermula esok (hari ini).

Ismail Sabri Yaakob,
Menteri Kanan (Keselamatan)

Persepsi masyarakat seolah-olah esok (hari ini) 'raya' kerana kononnya PKP di negara ini sudah berakhir, adalah tanggapan salah.

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan